



UPM Anjur Seminar Kebolehdapatan Kerja Graduan: Isu, Keprihatinan Dan Arah Tuju



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Paduka Dr. Aini Ideris menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kiri) sebagai kenangan

PUTRAJAYA, 21 Julai – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Seminar Kebolehdapatan Kerja Graduan: Isu, Keprihatinan dan Arah Tuju bagi menilai kebolehpasaran daya saing graduan dalam pasaran tenaga kerja baru-baru ini.

Menyertai seminar ini adalah Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang berkata kerajaan telah memberi peluang kepada pelajar dengan memastikan pendidikan dan latihan yang disediakan adalah mengikut keperluan pasaran selari kepada perubahan keperluan ekonomi.

"Pelbagai program dan inisiatif telah diambil untuk menambah nilai kebolehpasaran graduan serta membangunkan karakter pelajar seperti Modul Kemahiran Insaniah yang dimasukkan ke dalam kukurikulum pengajaran."

"Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan, Internship atau Program Latihan Industri dan program kerjasama dengan industri yang berkaitan juga turut diperkenalkan," katanya.

Datuk Seri Khaled berkata program Usahawan Siswazah turut diperkenalkan semenjak pada tahun 2004 dan statistik menunjukkan sehingga tahun 2008, sebanyak 10,000 pelajar telah mengikuti berbanding 170,000 pelajar yang telah bergraduat setiap tahun.

Beliau berkata peranan tradisi universiti tidak sepatusnya dikompromikan sebaliknya perlu ada keseimbangan dari segi integriti dan intelektual.

Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melancarkan Program Mobiliti Pelajar pada 24 Julai 2009 yang akan memperkenalkan 28 program mobiliti melalui Edu-Tourism yang menjadikan keunikan Malaysia sebagai daya tarikan.

Kata Datuk Seri Khaled usaha tersebut melibatkan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian ke luar negara melalui tukarperkara kredit.



"Kementerian menggalakkan usaha IPT untuk mempromosikan mobiliti pelajar melalui program pertukaran pelajar, graduan akan lebih berpandangan luas dan bersedia menghadapi cabaran global," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Paduka Dr. Aini Ideris berkata seminar dua hari itu diharapkan dapat mencari resolusi dalam meningkatkan pasaran kebolehdapatan kerja graduan.

"Ianya telah menyediakan input kepada KPT dan IPT dalam usaha untuk membuat penambahbaikan kebolehdapatan kerja graduan dengan mengikut kelayakan yang dikehendaki," katanya.

Hasil seminar itu akan menghasilkan resolusi dari segi pemantapan program pengajian merangkumi kurikulum, kokurikulum dan aktiviti lain ke arah pemerkasaan graduan.

Antara tajuk seminar yang dibentangkan ialah Tadbir Urus dan Dasar, Pengurusan Kurikulum, Simbiosis Universiti-Industri, Bengkel Perbincangan dan Resolusi dan Pembentangan Resolusi.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti UPM